

Kenyataan Tawaran Tender / Sebut Harga

Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebut harga ini hendaklah berdaftar dengan SSM dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Taraf Bumiputra (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) atau PPK.

Dokumen sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang membawa Sijil Pendaftaran **ASAL** (PPK dan SPKK) yang dikeluarkan oleh CIDB.

Kontraktor yang ingin memasuki sebut harga di atas adalah dikehendaki mengeluarkan Wang Pos/Wang Kiriman Pos/ Deraf Bank berharga **RM10.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Ringgit Sahaja)** yang dibuat atas nama **Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia** sebagai bayaran dokumen sebut harga.

Segala maklumat dan dokumen sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Unit Tender, Bahagian Ukur Bahan Dan Pengurusan Kontrak, Aras Bawah Blok A, Ibu Pejabat Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia, Persiaran Rimba Permai, Cyber 8, 63000 Cyberjaya, Selangor .**

Taklimat sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya kontraktor yang menghadiri taklimat dibenarkan mengambil dokumen sebut harga. Kontraktor hendaklah melaporkan diri **di pejabat Jabatan Pengairan dan Saliran, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Aras 1, Blok F11, Kompleks F, Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya.**

Hanya penama syarikat di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)/Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja boleh menghadiri taklimat sebut harga.

Dokumen sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **di pejabat Jabatan Pengairan dan Saliran, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Aras 1, Blok F11, Kompleks F, Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya** tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada hari tersebut.